

Bas sekolah batal caj tambahan

BH
28/6/08
M/S 1

KUALA LUMPUR: Ketika sektor perniagaan dan perkhidmatan berlumba-lumba menaikkan harga atau bayaran tambahan, Persekutuan Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Malaysia semalam mengumumkan keputusan melegakan pengguna apabila bersetuju menarik balik caj tambahan RM10 hingga RM50 yang dikenakan sejak tiga minggu lalu.

Pengerusinya, Chee Ah Tey, berkata persekutuan itu bersetuju membatalkan caj tambahan berkenaan mulai Isnin ini selaras keputusan kerajaan memberi kuota subsidi diesel 100 peratus kepada pengusaha pengangkutan awam.

Persetujuan itu dicapai dalam pertemuan dengan wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), kelmarin.

Sehubungan itu, Chee memberi amaran bahawa persekutuan dianggotai 8,000 pengusaha bas sekolah di seluruh negara itu akan menyingkir mana-mana ahlinya yang masih berkeras mengenakan caj berkenaan.

Caj tambahan itu dikenakan pengusaha bas sekolah sejak 9 Jun lalu atas alasan bagi menampung peningkatan kos operasi, terutama selepas penstrukturan semula subsidi minyak yang diumumkan kerajaan, empat hari sebelum itu.

Chee berkata, KPDNHEP juga bersetuju mengagihkan kuota subsidi diesel mengikut saiz dan keperluan bas.

"Pengusaha bas sekolah akan diberi subsidi diesel secukupnya. Bas kecil cuma perlu 570 liter sebulan dan jumlah itu tidak sama dengan bas bersaiz sederhana dan besar. Ini dapat mengelak pengusaha mengambil kesempatan menjual diesel yang berlebihan.

"Kami akan memastikan ahli persatuan menggunakan diesel dengan berkesan. Contohnya jika sebuah taman perumahan memerlukan hanya lima bas, tidak perlu sehingga lapan bas beroperasi di situ. Ahli yang mempunyai lebihan diesel pula boleh membantu pengusaha yang memerlukan," katanya.

Oleh Basir Zahrom